

KPDNHEP keluarkan 32 notis kompaun atas pelbagai kesalahan

2020-05-20T15:27:53+08:00

oleh Hamzah Sanudin



KOMPAUN: Arsanti (kanan) bersama anggotanya mengeluarkan notis kompaun kepada premis yang didapati melanggar undang-undang.

SEMPORNA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Semporna mengeluarkan sebanyak 32 notis ke atas premis yang didapati melanggarkan peraturan yang ditetapkan.

Notis itu hasil daripada pemeriksaan terhadap 1,658 premis di daerah ini sejak januari lalu melibatkan kompaun sebanyak RM13,500 atas pelbagai kesalahan.

Ketua Pegawai KPDNHEP Semporna Arsanti Abd Rasid berkata, berdasarkan kompaun dikeluarkan oleh pihaknya, kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 dilaporkan paling tinggi dilakukan iaitu sebanyak 12 kes.

Manakala bagi kesalahan kedua tertinggi melibatkan Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 sebanyak 11 kes dan diikuti Akta Timbang Sukat (ATS) 1972 sebanyak sembilan kes.

Menurutnya, sepanjang penguat kuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lalu, pihaknya tidak menerima sebarang aduan penipuan penjualan pelitup muka dan cecair sanitasi atas talian.

Arsanti berkata, tinjauan dan hasil pemeriksaan barang keperluan asas menjelang perayaan Hari Raya Aidilfitri didapati tidak menghadapi masalah dan stok bekalan mencukupi.

"Pasukan kami sentiasa memantau bekalan berkenaan sepanjang menjelang perayaan itu termasuklah gula, minyak masak, tepung, ayam dan daging.

"Pemantauan tidak tertumpu di pasar raya besar sahaja, malah, pihak kami akan memantau semua pasaraya termasuk di premis yang berada di kawasan kampung," katanya dalam kenyataan, di sini.

Beliau berkata, pihaknya memandang serius terhadap semua peniaga yang gagal mematuhi undang-undang yang sudah dikuat kuasakan dan akan mengambil tindakan termasuk mengenakan kompaun yang tinggi bagi kesalahan tertentu.

"Kami memohon kerjasama semua pengguna supaya melaporkan kepada pihaknya sekiranya mengesan berlaku kekurangan bekalan di pasaran," katanya.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/05/20/kpdnhep-keluarkan-32-notis-kompaun-atas-pelbagai-kesalahan>